

**KHUTBAH KHAS AIDILADHA 1445H/2024M**  
**“KEKUATAN IMAN MENUJU KEJAYAAN DUNIA DAN**  
**AKHIRAT”**  
**(17 Jun 2024M/ 10 Zulhijjah 1445H)**

---

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَعْيَادَ مَصَدَرًا لِلْهَنَاءِ وَالسُّرُورِ، وَتَفَضَّلَ فِي هَذِهِ  
الْأَيَّامِ الْعَشْرِ عَلَى كُلِّ عَبْدٍ شَكُورٍ، سُبْحَانَهُ غَافِرِ الذَّنْبِ وَقَابِلِ التَّوْبِ،  
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ  
تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di

akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk **“Kekuatan Iman Menuju Kejayaan Dunia Dan Akhirat”**.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Aidiladha adalah anugerah Allah *subhanahu wata'ala* bagi hamba-hamba-Nya yang menghayati nilai pengorbanan. Setiap kali tibanya Aidiladha, kita akan diingatkan tentang kisah Nabi Ibrahim *alaihissalam*, isterinya Saidatina Hajar serta anaknya, Nabi Ismail *alaihissalam*. Sangat jelas terpancar daripada kehidupan mereka sifat sabar iaitu daya tahan mereka mempertahankan keyakinan bahawa Allah akan membantu dan menjaga mereka ketika itu.

Ketika Nabi Ibrahim *alaihissalam* diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* untuk meninggalkan anak dan isteri kesayangannya di bumi yang tandus, dengan kerelaan dan pada waktu yang sama dengan nada keprihatinan, Nabi Ibrahim *alaihissalam* memanjatkan doa seperti yang dirakamkan di dalam Surah Ibrahim, ayat 37:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا  
لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْئِدَةً مِّنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَأَرْزُقْهُمْ مِّنَ  
الْثَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ (٣٧)

**Maksudnya:** "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumah-

*Mu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian daripada manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.*

Fikirkanlah, adakah kita berkesanggupan dan memiliki daya tahan keimanan untuk meninggalkan keluarga yang disayangi dalam keadaan demikian? Bayangkan pula keadaan isteri, Saidatina Hajar, tatkala ditinggalkan keseorangan diri bertanggungjawab ke atas anak yang masih lagi kecil tanpa mempunyai bekalan.

Nabi *sallallahu alaihi wasallam* mengisahkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari *rahimahullah*, bahawa ketika itu, dengan bayi yang menangis kehausan, Allah memancarkan air zamzam, membawa kedamaian pada hati si ibu yang sedang gundah.

Subhanallah! Berkat daya tahan keimanan, maka Allah *subhanahu wata'ala* telah memelihara mereka. Berkat doa yang mereka panjatkan, kawasan tandus yang namanya Makkah telah menjadi kota yang mana hati jutaan manusia terpaut padanya sehinggalah hari ini, seperti yang diminta oleh Nabi Ibrahim *alaihissalam* dalam doanya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Kisah keluarga Nabi Ibrahim *alaihissalam* ini mengingatkan kita akan kesan daya tahan keimanan. Keadaan ini mampu menggerakkan manusia untuk mencapai perkara yang luar biasa. Sama ada dalam mengharungi kesulitan dan mengatasi cabaran kehidupan, mahupun mencapai kejayaan demi kejayaan, keimanan adalah pemangkin serta pencetus kepadanya.

Daya tahan keimanan ini bukanlah dicerminkan melalui bentuk amalan tertentu, ataupun dengan berpeluk tubuh dan bergantung harapan atau berdoa sahaja. Sebenarnya, ia melahirkan sikap pengorbanan dan disiplin dalam diri agar kita sentiasa mencari huraian serta mengukir kejayaan di dunia ini lagi dan di akhirat kelak. Daya tahan keimanan ini mempunyai tiga ciri penting:

**Ciri pertama** ialah ujian dijadikan peluang untuk kita menjadi seorang insan dan mukmin yang lebih baik.

Ia peluang untuk kita melatih diri bagaimana mencari huraian yang terbaik dan kreatif. Ujian adalah peluang untuk kita menggilap potensi yang sebenarnya ada pada diri kita. Sebagai contoh, kita mungkin pernah mendengar kisah mereka yang hilang pekerjaan kerana sesuatu sebab tertentu. Disebabkan desakan keperluan untuk mencari rezeki, mereka mula berniaga kecil-kecilan, dan kerana didorong semangat ingin maju, mereka mencari jalan kreatif untuk melariskan barangan atau khidmatnya sehinggalah akhirnya perniagaannya mula berhasil. Cuba kita renungkan, walaupun

hilangnya pekerjaan itu biasanya adalah satu musibah, namun, ada yang dapat meraih kebaikan dan membangun potensi diri sebagai dampak daripadanya.

Ujian boleh melahirkan kebaikan, jika bersikap positif dan mempunyai daya tahan yang kuat. Dan ingatlah bahawa Allah *subhanahu wata'ala* tidak akan menguji kita kecuali Allah *subhanahu wata'ala* tahu kita mempunyai potensi bagi mengatasinya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا آكْتَسَبَتْ ۗ ...

**Maksudnya:** Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya ...

**Ciri kedua** adalah orang yang beriman akan selalu memberikan yang terbaik dalam apa jua bidang kehidupan.

Apakah sebabnya? Jiwa yang beriman dengan pembalasan Tuhan sedar bahawa segala yang dilakukannya adalah satu bentuk ibadah. Sama ada pelajaran, pekerjaan, kehidupan berkeluarga mahupun sebagai jiran tetangga, seorang Mukmin akan hanya memberikan yang terbaik mungkin. Itulah maksud daripada perkataan “wasata” dalam Surah al-Baqarah, ayat 143:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ ...

**Maksudnya:** Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat

*Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.*

Diterangkan oleh ulama tafsir, perkataan "wasata" di sini bererti cemerlang dan terbaik. Ini bererti bahwa Allah *subhanahu wata'ala* tidak menghendaki kita untuk menjadi masyarakat yang merasa cukup dengan sekadarnya, atau boleh diistilah sebagai masyarakat "ala kadar". Allah *subhanahu wata'ala* menghendaki bagi kita untuk menjadi masyarakat beriman yang kukuh dan cemerlang dari semua sudut: kerohanian, ekonomi, sosial dan intelektual.

Maka, tanggungjawab kita adalah terus mempertingkatkan potensi diri pada setiap ketika. Jangan pernah merasa selesa mahupun cukup dengan kemahiran dan ilmu yang ada. Peningkatan ini ke arah kebaikan adalah ibadah. Ia adalah usaha suci. Tanamkan azam bahawa dengan kemahiran yang baru bukan sahaja kita akan memanfaatkan diri tetapi keluarga dan masyarakat.

**Ciri ketiga** orang yang beriman adalah mereka sering bermuhasabah dan berfikir dan tidak hanya menerima sesuatu tanpa penilaian.

Daya tahan keimanan juga bermakna kita menyibukkan diri dengan perkara yang bermanfaat, yang membawa kebaikan dan kesejahteraan, dan menjaga kebajikan diri dan masyarakat. Dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi dewasa ini, kita

menjadi lebih terdedah kepada pelbagai pengaruh sama ada yang baik ataupun sebaliknya. Hampir setiap kita memiliki alat yang menyampaikan jutaan maklumat, alat yang begitu hebat kuasanya dan begitu mudah digunakan, tetapi boleh memusnahkan umat dan masyarakat jika dimiliki oleh jiwa yang lemah daya tahannya. Jiwa yang mudah termakan dengan diayah serta agenda pihak-pihak yang ingin perpecahan dan kemusnahan. Justeru, kita telah diingatkan Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Hujurat, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ  
فَتُصِيبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ (٦)

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Oleh sebab itu, kita haruslah bersikap kritikal, apatah lagi di dalam era media sosial dan kebebasan berbicara dan bertukar pandangan hari ini. Kita wajib bermuhasabah selalu, apakah legasi atau kebaikan yang telah kita usahakan yang dapat kita persembahkan apabila bertemu Allah *subhanahu wata'ala* kelak? Apakah kata-kata yang baik yang telah kita ungkapkan yang membawa kesejahteraan dan kebahagiaan? Apakah usaha-usaha kita untuk membantu golongan yang memerlukan sokongan?

Akhirnya, kita akan kembali menghadap Allah *subhanahu wata'ala*. Segala amalan kita akan diperhitungkan, dan kemudian akan disempurnakan balasannya oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Marilah kita meneruskan segala usaha yang baik, dan memperbaiki segala kekurangan pada diri kita. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* membekalkan kita dengan daya tahan keimanan yang dapat membantu kita mengharungi segala ujian di dunia. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* juga sentiasa membimbing kita ke arah yang diredai-Nya dan sekaligus tergolong dalam kalangan hamba-hambanya yang berjaya dalam kehidupan di dunia dan di Akhirat. Amin.

Sebagai mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-A'raf, ayat 96:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

**Maksudnya:** *Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.  
اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ \*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ \*

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَضَاحِي مِنْ أَجْلِ الْقُرْبَانِ. وَضَاعَفَ لِعَامِلِهَا الْحَسَنَاتِ. وَكَانَتْ سَبَبًا لِدُخُولِ أَهْلِهَا الْجَنَّاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الَّذِينَ فَازُوا بِالْجَنَّةِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah

Bersempena Hari Raya Korban ini, umat Islam digalakkan untuk melakukan ibadah korban. Tempoh masanya bermula dari terbitnya matahari pada Hari Raya Aidiladha setelah berlalunya tempoh masa yang mencukupi untuk dua rakaat solat dan dua khutbah yang ringan sehingga terbenamnya matahari pada hari tasyriq terakhir, iaitu 13 Zulhijjah. Pada tempoh masa itu, marilah bersama-sama kita melaksanakan ibadah korban ini. Sesungguhnya, ibadah korban

mempunyai ganjaran yang amat besar sebagaimana Imam at-Tirmizi *rahimahullah* meriwayatkan sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*:

« مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ،  
إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنْ  
اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ، فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا»

**Maksudnya :** *Tidak ada amalan anak Adam (manusia) pada hari raya haji yang paling disukai Allah selain daripada menyembelih korban. Haiwan ternakan yang dikorbankan itu akan datang kepada mereka yang melakukannya pada hari kiamat seperti keadaan asalnya iaitu, lengkap dengan tanduknya, bulunya, kukunya, darah korban itu lebih dahulu jatuh ke suatu tempat yang disediakan Allah sebelum dia jatuh ke bumi (pahalanya disegerakan Allah). Maka dengan sebab itu hendaklah kamu dengan rela dan ikhlas hati melaksanakannya untuk keuntungan diri sendiri .*

Pada masa yang sama, marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat

besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi ujian dan cabaran dengan pengorbanan. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian, kebahagiaan serta kekuatan iman menuju kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا  
لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

وَوَفَّقْنَا وَإِيَّاكُمْ لِكُلِّ فِعْلٍ حَمِيدٍ، وَأَعَادَ عَلَيْنَا وَعَلَيْكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ هَذَا الْيَوْمِ  
السَّعِيدِ، وَأَعَدْنَا وَإِيَّاكُمْ مِنْ هَوْلِ الْيَوْمِ الْوَعِيدِ. وَأَدْخَلْنَا وَإِيَّاكُمْ الْجَنَّةَ مَعَ  
الْفَائِزِينَ الَّذِينَ دَعَوَاهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.